

04 MAY 2002

PBB - Pelantikan/I

TAIB BELUM PUTUSKAN PENGGANTI LINGGI

KUCHING, 4 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud belum memutuskan pengganti Datuk Amar Leonard Linggi yang melepaskan jawatan sebagai setiasuaha agung parti itu baru-baru ini.

Naib presiden kanan PBB Datuk Sri Adenan Satem hari ini berkata pelantikan penyandang jawatan itu adalah hak mutlak presiden parti dan dan setakat ini, presiden parti Tan Sri Abdul Taib Mahmud belum memutuskan perkara itu.

"Buat masa ini, Menteri Muda di pejabat Ketua Menteri, Bolhassan Di yang juga timblan setiasuaha agung memangku jawatan itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi PBB di sini.

Katanya, majlis tertinggi telah merakamkan penghargaannya kepada Linggi yang mengumumkan persaraannya daripada kegiatan politik secara cergas pada Selasa atas khidmat yang telah beliau curahkan kepada PBB selama 26 tahun.

Sambil menyifatkan Linggi, 62, sebagai "lelaki budiman sebenar", Adenan berkata dalam surat peletakan jawatannya, bekas setiasuaha agung PBB itu berkata tujuannya berbuat demikian ialah untuk memberi peluang kepada mereka yang masih muda.

"Beliau telahpun membayangkan hasratnya itu pada konvensyen perwakilan PBB 1998. Kita tiada pilihan kecuali memenuhi hasratnya dengan berat hati," kata beliau.

Adenan berkata mesyuarat Majlis Tertinggi PBB yang dipengerusikan oleh Abdul Taib juga membincangkan persiapan bagi menghadapi konvensyen perwakilan tiga tahun sekali parti itu yang akan berlangsung dari 7 hingga 9 Julai ini di Damai Lagoon, Santubong, kira-kira 35 kilometer dari sini.

Lebih 1,000 anggota perwakilan dan pemerhati dari kesemua 162 bahagian PBB dijangka menghadiri konvensyen itu, katanya.

Beliau juga menyatakan wakil-wakil parti komponen BN akan turut dijemput menghadiri konvensyen itu yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebuah jawatankuasa khas yang diketuai Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Asfia Awang Nassar juga telah ditubuhkan bagi mengkaji pindaan yang perlu dibuat terhadap perlembagaan parti bagi tujuan pengemaskinian, kata Adenan.

-- BERNAMA

CJ SP FAZ